



**KENYATAAN MEDIA**  
**TIMBALAN MENTERI 2 PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**  
**2 MAC 2021**

---

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) amat prihatin terhadap isu yang melibatkan perumahan bagi golongan B40 serta yang tidak berkemampuan dan usahawan luar bandar terutama di Lawas, Sarawak.

Lawas terletak di utara Sarawak diberikan keutamaan oleh kerajaan persekutuan memandangkan jarak yang jauh antara Kuching iaitu kira-kira 1200km serta perlu melalui akses ke Brunei menerusi Limbang. Lawas juga dikategorikan sebagai salah satu kawasan luar bandar dengan jumlah penduduk kira-kira 45,000 orang serta lebih daripada penduduk mendiami kawasan luar bandar.

### **Projek PPRT di Lawas**

Rentetan itu, pada tahun 2020, kerajaan persekutuan menerusi KPLB telah memperuntukan sebanyak **10 unit rumah projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bina baru** serta **100 unit rumah untuk dibaik pulih** di Lawas dengan jumlah peruntukan **sebanyak RM 2.1 juta**.

Melalui program ini, kerajaan akan membina dan menyediakan rumah PPRT kepada golongan yang dikenalpasti menerusi data Sistem e-Kasih serta menerusi permohonan yang akan disemak berdasarkan kelayakan dengan **kos seunit rumah berjumlah RM 60,000.00**. Bagi pembaikan

rumah, **sebanyak RM 15,000.00 diperuntukan bagi seunit rumah** dan pembaikan akan bertumpu kepada komponen penting rumah seperti pendawaian elektrik, pembaikan sistem perpaipan dan atap.

Menerusi inisiatif ini, kerajaan berharap jaringan sosial, kekeluargaan dan kehidupan yang berkualiti dan selesa dapat dinikmati oleh golongan penerima manfaat daripada inisiatif PPRT oleh kerajaan.

### **Lampu Jalan Kampung (LJK)**

Bagi memastikan kehidupan luar bandar selamat serta selesa, kerajaan menerusi KPLB turut **memperuntukan sejumlah RM 435,390.00** bagi pemasangan lampu jalan kampung. Projek ini merupakan sebahagian daripada projek di bawah KPLB dengan melibatkan Sarawak Electric Sdn. Bhd. Pemasangan dilaksanakan oleh pihak SEB manakala kos ditanggung oleh KPLB.

Bagi tujuan tersebut, sebanyak **240 unit lampu jalan kampung akan dipasang** dan daripada jumlah tersebut sebanyak **93 unit menggunakan model HPSV dengan kos RM 67,890.00** manakala **model LED sebanyak 147 unit dengan kos sebanyak RM 367,500.00** bertujuan memastikan keselamatan dan keselesaan penduduk luar bandar di Lawas.

### **Peningkatan Pendapatan Usahawan**

Bantuan kepada usahawan di luar bandar sentiasa menjadi fokus kerajaan dalam memastikan usahawan mampu terus bertahan akibat ketidakpastian ekonomi negara disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang melanda.

Untuk itu, menerusi KPLB dan agensi, sebanyak **10 orang pengusaha penyalai ikan tahai (salai)** telah diluluskan untuk pemberian bantuan dan kelengkapan rumah penyalai ikan tahai di Kampung Awat-Awat, Lawas. Rumah penyalai ikan tahai ini akan dilengkapi peralatan yang sesuai serta moden untuk menyalai ikan.

Bagi tujuan di atas, **sebanyak RM 100,000.00 akan diperuntukan kepada 10 orang pengusaha penyalai ikan** dengan setiap pengusaha akan **memperolehi RM 10,000.00**. Inisiatif ini dijangka akan **memanfaatkan seramai 10 orang pengusaha baru dan sedia ada** di samping dapat mempertingkatkan pendapatan dan menjana lebih banyak peluang pekerjaan di Kampung Awat-Awat, Lawas.

Pada masa kini, industri pemprosesan produk maritim merupakan industri utama di Lawas dengan setiap pengusaha **mampu menjana pendapatan sehingga RM 3000.00 sebulan**. Kebanyakan produk ini dieksport ke Negara Brunei dan bandar-bandar di Sarawak.

Selain itu juga, menerusi Program Peningkatan Pendapatan, kerajaan menerusi KPLB **memperuntukan sebanyak RM 10,000.00 kepada 50 orang nelayan untuk pembelian enjin bot baru** dan **RM 10,000.00 untuk bantuan kepada 10 orang penjaja** yang melibatkan **kos keseluruhan berjumlah RM 600,000.00** bagi membolehkan golongan ini menjana pendapatan dengan mencari hasil laut dan meluaskan perniagaan bagi tujuan menyara kehidupan.

Kerajaan juga akan memastikan setiap inisiatif ini dipantau dan diberikan kepada golongan yang memerlukan memandangkan masyarakat di luar bandar antara golongan yang turut terjejas kesan pandemik Covid-19.

Peluang untuk meningkatkan pendapatan masyarakat di luar bandar juga akan diberikan fokus dan keutamaan oleh kerajaan bagi memastikan penduduk di luar bandar menikmati pendapatan yang mampu untuk menyara kehidupan di samping membuka lebih banyak peluang pekerjaan di kawasan luar bandar.

- Tamat -

**YB Dato' Henry Sum Agong**

**Timbalan Menteri 2, Pembangunan Luar Bandar**

**Lawas, Sarawak**

**2 Mac 2021**

***Dikeluarkan Oleh :***

***Unit Komunikasi Korporat***

***Kementerian Pembangunan Luar Bandar***

## Lampiran Foto



Caption : Henry (kanan) melawat Labo Baru penerima Projek Perumahan Rakyat Termiskin di Kampung Long Temarub, Lawas.





Caption : Henry (kanan) beramah mesra dengan penduduk ketika meninjau projek Jalan Perhubungan Desa di Kampung Long Kachuk, Lawas, Sarawak.



Caption : Pitri Rohayah Timbang antara pengusaha ikan tahai di Lawas yang akan mendapat bantuan dan manfaat daripada kerajaan.



Caption : Pemasangan Lampu Jalan Kampung sedang giat dilaksanakan oleh KPLB di Lawas.